

17/01/2000

Khalil tegur keghairahan rebut jawatan Ketua Wanita

KUANTAN, Ahad - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob mengingatkan pihak tertentu dalam Wanita Umno supaya tidak terlalu ghairah membuat kenyataan berhubung pertandingan merebut jawatan ketua pergerakan itu, Mei ini.

Menurutnya, ini kerana parti sedang menumpukan perhatian membuat laporan berkaitan keputusan pilihan raya umum November lalu, terutama mengenal pasti punca kemerosotan undi kepada Umno.

"Jika terlalu ghairah mengeluarkan kenyataan, tugas menyediakan laporan berbentuk analisis itu akan dilupakan atau menjadi perkara kedua.

"Kita juga mahu pertandingan merebut jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno tidak menjadi satu konflik peribadi kerana mengikut keadaan sekarang, ia sedang menuju ke arah itu.

"Pertandingan berbentuk peribadi boleh memecah-belahkan parti lebih teruk. Oleh itu, pertandingan mestilah berdasarkan peraturan," katanya selepas mengadakan jamuan Aidilfitri di Kampung Sungai Ular, dekat sini, petang ini.

Beliau turut menasihatkan mereka yang menawarkan diri bertanding supaya mengikut batasan dan etika serta tidak membuat pelbagai tuduhan sesama sendiri.

Justeru, Mohd Khalil berpendapat pertandingan sengit tidak diperlukan kerana boleh melupakan tanggungjawab yang lebih besar iaitu memenangkan Umno dalam pilihan raya.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selalu menegaskan bahawa menang dalam parti tiada bermakna jika parti tewas dalam pilihan raya. Kita boleh dapat jawatan besar dalam parti sama ada peringkat nasional atau negeri tetapi parti kalah dalam pilihan raya tiada guna," kata Ahli Parlimen Kuantan itu.

Mengenai Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menolak dakwaan Pas bertanggungjawab terhadap kenyataan 'Islam itu Pas dan Pas itu Islam,' beliau berkata, parti pembangkang itu menggunakan tema berkenaan secara besar-besaran sehingga menakutkan ramai pengundi di kampung supaya tidak mengundi Barisan Nasional (BN).

Katanya, dalam siri kempen pilihan raya umum lalu, pengundi sering diingatkan bahawa Pas itu Islam dan jika menentang Pas bermakna mereka menentang Islam.

"Kenapa selepas pilihan raya baru mahu menafikan perbuatan itu. Kenapa tidak ada pemimpin Pas mengaku tidak menggunakan cara terbabit sewaktu kempen dulu.

"Jadi, sebenarnya tema itu digunakan oleh penceramah Pas dari rumah ke rumah," katanya.

Beliau mendedahkan Pas menggunakan taktik itu dari Tanjung Lumpur hingga ke sempadan Pahang-Terengganu di kawasan Parlimen Kuantan untuk menakutkan pengundi supaya tidak mengundi BN.

Mohd Khalil yang juga Menteri Penerangan, turut mengulas tindakan Pas memulau akhbar Utusan Malaysia, New Straits Times dan TV3 mulai Februari ini sebagai tindakan awal parti itu dalam Barisan Alternatif membantah sikap penerbitan berkenaan yang didakwa memutarbelitkan kenyataan memburukkan mereka.

Beliau membidas Fadzil kerana mendakwa lidah rasmi parti itu, Harakah adalah satu-satunya akhbar melaporkan berita yang benar kerana berpandu kepada Islam dan petunjuk al-Quran.

"Bagaimana boleh dia mengatakan demikian sedangkan menafikan membuat tema Islam itu Pas dan Pas itu Islam sepanjang kempen pilihan raya lalu," katanya.

(END)